

D140

U 8785 DEB
MAHATHIR - TV

KUALA LUMPUR, 14 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SIARAN SECARA LANGSUNG MELALUI TELEVISYEN PERSIDANGAN PARLIMEN TIDAK BOLEH DIADAKAN PADA MASA INI DEMI MENJAGA KEHARMONIAN DAN PERPADUAN RAKYAT BERBILANG KAUM.

KATANYA, RAKYAT BERBILANG KAUM NEGARA INI BELUM BERSEEDIA UNTUK MENERIMANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA APA YANG DIPERKATAKAN DI PARLIMEN KADANGKALA MENYENTUH SOAL-SOAL PERKAUMAN YANG TIDAK MANIS DIDENGAR DAN MENYINGGUNG PERASAAN JIKA DISIARKAN.

INI BOLEH MENIMBULKAN PERASAAN TIDAK SENANG DI KALANGAN PELBAGAI KAUM, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI BANGUNAN PARLIMEN KETIKA DIMINTA MENGULAS CADANGAN BEBERAPA PIHAK SUPAYA MESYUARAT PARLIMEN DISIARKAN MELALUI TV SECARA LANGSUNG.

ADA ANGGOTA PARLIMEN MUNGKIN JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN MEMPERALATKAN TV UNTUK TUJUAN KEPENTINGAN POLITIK MEREKA DENGAN MENIMBULKAN ISU PERKAUMAN, TAMBAHNYA.

+INI TIDAK AKAN MENYUMBANG KEPADA PERPADUAN NASIONAL,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. --BERNAMA

1605MST 14 10 86